

Parlimen: Penyertaan Bank Asing Beri Manfaat Kepada Sistem Kewangan Negara Bernama
13 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Penyertaan bank-bank asing dalam sistem kewangan negara telah membawa pelbagai manfaat, termasuk menyumbang ke arah pembangunan sektor kewangan tempatan yang lebih pelbagai serta memperkukuh dan mempertingkatkan kesalinghubungan pelaburan dan perdagangan antarabangsa.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai memberitahu persidangan Dewan Negara bahawa bank-bank asing ini juga telah membawa masuk kepakaran khusus yang diperlukan, amalan terbaik dan teknologi bagi menyumbang kepada pembangunan produk-produk baharu dan inovatif bagi memenuhi keperluan sektor kewangan.

Selain itu, beliau berkata peranan bank-bank asing juga membolehkan pengguna mendapat manfaat daripada produk dan perkhidmatan bertaraf dunia.

"Kebanyakan institusi asing ini telah bertapak sejak dahulu lagi, di samping menjadi perintis semasa pembentukan sistem kewangan Malaysia pada kurun ke-19.

"Oleh itu, mereka (bank-bank asing) mempunyai kepentingan dalam ekonomi Malaysia dan telah memberi sumbangan secara berterusan dalam pelbagai kitaran ekonomi negara," katanya ketika menjawab soalan Senator Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim yang betanyakan bilangan bank tempatan dan asing serta kesan bank asing terhadap ekonomi negara semasa kemerosotan ekonomi.

Menurut Lim, Malaysia mempunyai 34 bank tempatan dan 22 bank asing, dengan aset institusi perbankan asing pada masa ini mencakupi kira-kira 22 peratus daripada jumlah aset sektor perbankan di negara ini.

Sementara itu, Lim berkata rangka kerja pengawalseliaan bank-bank asing di Malaysia telah menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk mengurangkan kesan penularan rentas sempadan.

"Krisis yang tercetus di negara maju seperti Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat baru-baru ini memperlihatkan bahawa institusi kewangan yang aktif di seluruh dunia mempunyai implikasi yang meluas terhadap kestabilan kewangan sesebuah ekonomi," katanya.

Antara langkah kawal selia itu ialah menerusi undang-undang yang mewajibkan bank-bank asing diperbadankan supaya bank-bank itu mempunyai modal dan tadbir urus berasingan daripada operasi mereka di negara lain.

Katanya keperluan modal kekal terhadap entiti yang diperbadankan di Malaysia (entiti domestik) itu menjamin ketersediaan dana modal khusus untuk memelihara kemampuan dan kesinambungan operasi mereka di negara ini.

Selain itu beliau berkata tahap pengawasan yang dilaksanakan Bank Negara Malaysia terhadap institusi kewangan asing adalah sama dengan yang dilaksanakan terhadap institusi kewangan domestik.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633800>